

01 SEP 2002

Rafidah-SPR

SPR HARUS GUNA HANYA SATU VERSI PENDAFTAR PEMILIH YANG BERSIH

SEREMBAN, 1 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz meminta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggunakan hanya satu versi senarai pengundi yang bersih bagi melancarkan perjalanan pilihan raya.

Beliau berkata semasa pilihan raya umum 1999, SPR sendiri mengakui terdapat dua versi senarai daftar pengundi yang digunakannya.

"Saya tahu (perkara itu) di tempat saya sendiri (Parlimen Kuala Kangsar) kerana buku yang saya gunakan untuk membuktikan penyokong dan pencadang ada dalam senarai daftar (semasa penamaan calon) ... didapati nama dia (penyokong) tidak ada dalam senarai buku yang dipegang oleh pegawai pilihan raya, tak sama.

"Pada masa itu, saya begitu terketar, nama penyokong tak ada (dalam senarai) dan orang PAS di luar mengatakan bahawa calon Adun (Anggota Dewan Undangan Negeri) saya telah tersingkir dan mereka (PAS) kata mereka telah menang tanpa bertanding," katanya.

Rafidah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar yang dilaporkan sebagai berkata bahawa pemindahan nama pengundi berdaftar di Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, Kedah kemungkinan dilakukan oleh segelintir kerani sementara yang dilantik oleh SPR semasa pilihan raya kecil itu baru-baru ini.

Rafidah ditemui pemberita selepas menyampaikan hadiah pertandingan Tilawah Al-Quran dan Nasyid sempena Hari Wanita Umno Negeri Sembilan di sini hari ini.

Katanya beliau terus menghubungi SPR Kuala Lumpur bertanyakan kenapa nama yang ada padanya tidak sama seperti senarai yang digunakan oleh pegawai pilihan raya yang bertugas dan SPR mengesahkan memang terdapat dua senarai, dua versi dan pegawai daerah yang bertugas sendiri mengesahkan semasa dia menghubungi SPR mengenai perkara itu.

Rafidah berkata dua versi senarai yang berbeza ini akan membawa masalah kepada pengundi dan mengganggu kelancaran proses pengundian dan ia tidak seharusnya berlaku.

"Macam mana dua versi ini wujud, kita tak tahu. SPR kena siasat dan kalau ia mendatangkan masalah kepada pengundi, SPR kena betulkanlah," katanya.

Beliau berharap, pada pilihan raya kecil dan pilihan raya umum akan datang, hanya satu versi senarai yang sama dan bersih, termasuk tiada lagi pengundi hantu dan nama yang telah meninggal dunia masih tersenarai.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata Wanita Umno turut meminta SPR memastikan senarai daftar pengundi yang dikeluarkan, melayakkan mereka mengundi di kawasan yang sepatutnya.

"Kalau ada orang (pengundi) yang telah dianiaya, dengan namanya dikeluarkan dan disingkir tanpa pengetahuan dan keizinan beliau (dari kawasan mengundinya), hendaklah nama itu dibubuh (dimasukkan) balik.

"Kalau sesiapa localitinya di daerah mengundi, tidak wajib dan tidak berhak mengundi di situ, kerana tidak ada kaitan dengan kawasan itu, hendaklah namanya dikeluarkan dari senarai itu dan dimasukkan balik di mana dia sepatutnya berhak mengundi," katanya.

Rafidah meminta SPR menyiasat pelbagai punca yang menyebabkan perkara itu berlaku dan setelah itu menyenaraikan nama yang benar-benar bersih dan berhak mengundi di sesuatu kawasan.

Katanya Wanita Umno akan pergi ke rumah-rumah bagi memantau dan mengesan anggotanya yang sering kali gagal dikesan kerana tidak memberikan alamat rumah kediaman mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno kelmarin mendakwa kemenangan PAS pada pilihan raya kecil Anak Bukit bulan lepas dibantu oleh kewujudan pengundi hantu.

Dr Mahathir berkata PAS memindah penyokongnya dari kawasan yang tidak ada harapan menang ke kawasan lain yang menjadi sasaran mereka.

-- BERNAMA

APG LAT